

## SIARAN MEDIA

### **BANK RAKYAT SUMBANG LEBIH RM200,000 KEPADA USAHAWAN DAN KELUARGA TERJEJAS BANJIR DI YAN, KEDAH**

**YAN, KEDAH, 26 SEPTEMBER 2021** – Bank Rakyat menerusi Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Haji Omar, tampil menyerahkan sumbangan RM168,000 kepada usahawan terjejas akibat banjir kilat yang berlaku di Yan, Kedah beberapa minggu lalu.

Tan Sri Noh yang diiringi Pengerusi Bank Rakyat, Datuk Haji Abd Rani Lebai Jaafar serta Ketua Pegawai Eksekutif Bank Rakyat, Dato' Syed Abdul Aziz Syed Hassan, menyampaikan sumbangan tersebut kepada usahawan menerusi Lembaga Zakat Negeri Kedah di Masjid Jame' Badlishah di pekan Yan.

Menurut Tan Sri Noh, inisiatif ini mencerminkan komitmen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menerusi agensi di bawahnya dalam memainkan peranan membantu usahawan yang terjejas pendapatan berikutan kerosakan premis perniagaan akibat banjir dengan menyalurkan bantuan kewangan.

“Kementerian sentiasa menyokong hasrat Bank Rakyat di bawah pelan strategik Bank Rakyat 2025 (BR25) dalam melaksanakan usaha bagi berkongsi keuntungan yang diperolehi khususnya kepada golongan yang memerlukan termasuk usahawan bagi menyokong kelestarian perniagaan mereka terutamanya dalam waktu yang mencabar ini,” tambah beliau.

Sementara itu, Datuk Haji Abd Rani berkata, Bank Rakyat juga menyumbang sebanyak RM40,000 kepada 200 keluarga terjejas banjir yang mana setiap keluarga akan menerima wang tunai sebanyak RM200.

“Kami di Bank Rakyat sentiasa mendoakan mangsa banjir di daerah ini tabah menghadapi dugaan dan semoga usaha pemulihan di kawasan yang terjejas dapat dilaksanakan sebaiknya, Insya-Allah,” tambah Datuk Haji Abd Rani.

Sementara itu, Dato’ Syed Abdul Aziz berkata, beliau berharap agar menerusi bantuan yang disalurkan ini dapat membantu meringankan masalah aliran tunai golongan usahawan yang terkesan untuk membangunkan semula dan meneruskan aktiviti perniagaan mereka berikutan pembukaan semula aktiviti perniagaan secara berperingkat yang diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini.

Di samping itu, Tan Sri Noh juga menyerahkan sumbangan Yayasan Bank Rakyat (YBR) kepada lima buah sekolah terjejas banjir di sekitar kawasan tersebut yang mana setiap sekolah menerima wang tunai sebanyak RM5,000. Antara sekolah yang terlibat termasuk Sekolah Menengah Kebangsaan Yan, Sekolah Kebangsaan Langkasuka, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) York Khoo, Sekolah Kebangsaan Haji Nyak Gam dan Maahad Tahfiz Al-Fityan Kampung Setar.

Penyerahan ini yang dibuat menerusi Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Muda/Yan, Kedah, Haji Mukhtar Mansor, turut disaksikan oleh Pengerusi YBR, Dato’ Mohammad Radhi Abdul Razak yang juga merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pemantauan) MEDAC serta Lembaga Pemegang Amanah YBR, Syed Mohamad Akmal Syed Ager.

**-TAMAT-**



Bank Pilihan Anda

## INFO BANK RAKYAT

Bank Rakyat yang ditubuhkan pada 28 September 1954 di bawah Ordinan Syarikat Kerjasama 1948 yang kini merupakan bank koperasi Islam terbesar di Malaysia dengan memiliki aset berjumlah RM111.75 bilion berakhir Disember 2020.

Sebagai agensi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), kami komited untuk menyokong misi Kementerian untuk mengukuhkan sektor koperasi dan keusahawanan sebagai tunjang pertumbuhan ekonomi negara melalui semua usaha dan langkah yang diatur.

Transformasi daripada sistem perbankan konvensional kepada sistem perbankan Syariah sejak tahun 2002 telah menjayakan Bank Rakyat untuk terus mencatatkan keuntungan yang memberangsangkan saban tahun. Bagi tahun kewangan berakhir Disember 2020, kami telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai dan zakat berjumlah RM1.44 bilion.

Kami terus mengembangkan produk dan fasiliti pelanggan yang pelbagai serta inovatif. Ia meliputi perbankan konsumer, pembiayaan komersil, simpanan dan pelaburan serta produk perancangan kewangan bagi memenuhi keperluan pelbagai spektrum pelanggan masa kini.

Saluran penyampaian yang cekap turut diperluaskan serta sentiasa ditambah baik. Kami terus mengekalkan imej korporat yang mesra untuk menempatkan diri pada asas yang tepat sebagai Bank Pilihan Anda.

Sehingga kini, kami mempunyai 147 cawangan dengan lebih daripada 990 mesin juruwang automatik (ATM) dan mesin deposit tunai (CDM) serta 27 Ar-Rahnu X'Change, 4 Rakyat Xcess serta 20 Rakyat Xcess dan Ar-Rahnu X'Change di seluruh negara. Pelanggan juga boleh menikmati perkhidmatan perbankan secara dalam talian di [www.irakyat.com.my](http://www.irakyat.com.my). Layari laman web rasmi Bank Rakyat di [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my) atau hubungi Pusat Panggilan di talian 1300 80 5454 untuk info Bank Rakyat.